

10. Selain daripada mengatasi masalah alat kelengkapan dan kemudahan penyiaran, iaitu satu proses yang tentu sekali memakan masa, pihak RTM perlu mencapai mutu professionalisma yang tinggi di kalangan para penerbit, teknik dan kejuruteraannya,serta menjalinkan kerjasama yang rapat,dengan para seniman dan penqusaha-pengusaha tempatan. Pegawai-pegawai RTM hendaklah sentiasa menjalankan tugas mereka dengan cekap, dan menggunakan iktisas, kepakaran serta pengalaman mereka dengan saksama,bagi mencapai kadar prestasi yang tinggi,dan mutu yang baik. Saya harap,dengan pelancaran TV warna ini,